



Kamarudin Jaffar

Kerajaan tetap teruskan penguatkuasaan 1 Januari

Kuala Lumpur: Kementerian Pengangkutan akan meneruskan pemasangan penguatkuasaan pemasangan kerusi keselamatan kanak-kanak (CRS) bermula 1 Januari ini meskipun tahap kesedaran terhadap penggunaannya masih rendah dalam kalangan ibu bapa.

Timbalan Menterinya, Datuk Kamarudin Jaffar, berkata penguatkuasaan itu juga antara inisiatif untuk memberi kesedaran dan pendidikan kepada pengguna jalan raya berhubung kepentingan penggunaan CRS.

"Bagi tempoh enam bulan pertama, penguatkuasaan akan dijalankan, tetapi lebih kepada pendidikan dan kesedaran. Tiada saran dikeluarkan dalam tempoh berkenaan.

"Tujuan utama penguatkuasaan peraturan ini bukan untuk mengejarkan saran, sebaliknya ia bagi memberi kesedaran supaya pengguna jalan raya menggunakan CRS demi keselamatan anak mereka," katanya kepada *BH*, di sini.

Sebelum ini, kerajaan mengumumkan penggunaan CRS di dalam kenderaan akan diwajibkan bermula 1 Januari ini bagi menyelamatkan bayi dan kanak-kanak daripada mengalami kecederaan serius atau kematian sekiranya berlaku kemalangan.

Langkah baharu itu susulan statistik membimbangkan, iaitu 1,559 kematian dicatatkan membabitkan kanak-kanak di bawah umur 10 tahun dari 2007 hingga 2017.

Pada masa sama, Kamarudin berkata, dasar dilaksanakan ini adalah untuk melindungi bayi dan kanak-kanak demi mengurangkan impak ketika kemalangan.

"Pemakaian CRS ini hak anak kita dan sebagai ibu bapa, kita perlu menuaikan hak mereka. Sokongan pihak media juga penting dalam membantu pihak kerajaan melaksanakan dasar ini dengan berkesan," katanya.

Kamaruddin berkata, pihaknya mendapati ada peningkatan terhadap kesedaran dan pengetahuan dalam kalangan pengguna jalan raya dan tempoh enam bulan pertama tahun depan akan digunakan sebaiknya untuk mengukuhkan kefahaman itu.